



MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RTBB, DIVIDEN TSK DAN ZAKAT ANAK SYARIKAT RISDA NEGERI PAHANG TAHUN 2008

UCAPAN

**YG BERTHORMAT SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD
TAIB, MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DEWAN KONVENSYEN SULTAN AHMAD SHAH,
PEKAN, PAHANG
13 SEPTEMBER 2008
3.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Hj. Mohd. Najib bin Hj. Tun Abdul
Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Hj. Adnan bin Hj. Ya'akob
Menteri Besar Negeri Pahang

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik,
Pengerusi RISDA

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Dif-Dif jemputan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Penyampaian Dividen Rancangan Tanam Baru Berkelompok atau RTBB, Dividen Tanam Semula Komersial (TSK) dan Zakat Anak Syarikat Negeri Pahang Tahun 2008. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak,

3

Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke atas kesudian menghadiri dan seterusnya merasmikan Majlis ini. Saya juga mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Adnan bin Yaakub, Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur yang turut sama memberi sokongan padu. Juga kepada semua jemputan serta peserta-peserta RTBB, TSK serta pekebun kecil Negeri Pahang dan saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

4

2.0 SENARIO INDUSTRI GETAH MASAKINI

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh senario industri getah pada masa sekarang iaitu dari segi pengeluaran dan juga harganya supaya Tuan-tuan dan Puan-puan jelas dengan kedudukan industri ini yang menjadi tulang belakang kita semua.

Senario industri getah sekarang berada dalam tahap yang membanggakan dengan kenaikan harga getah dalam pasaran global. **Pengeluaran getah negara adalah 1,199,600 Metrik Tan. Daripada pengeluaran ini, 95 % atau 1,139,620 Metrik Tan adalah dikeluarkan oleh sektor pekebun kecil dan 5.0 % atau**

5

59,980 Metrik Tan adalah dari sektor estet. Dari segi keluasan pula, jumlah keluasan getah adalah 1.24 juta hektar di mana pekebun kecil memiliki 95 % (1,177,700 hektar) dan estet memiliki 5 % (59,600 hektar). Daripada ini, seluas 965,900 hektar atau 82 % berada di Semenanjung Malaysia, 145,000 hektar atau 12.3 % di Sarawak dan 66,600 hektar atau 5.7 % adalah di Sabah. Pada masa ini, Malaysia merupakan pengeluar getah asli ketiga dunia selepas Thailand dan Indonesia.

6

3.0 HARGA KOMODITI GETAH SEMASA

Harga getah asli menunjukkan peningkatan selepas tahun 2002. SMR 20 yang menjadi asas pengiraan harga getah skrap keluaran pekebun kecil telah meningkat. **Purata harga tahunan telah meningkat sebanyak 257.5 % iaitu dari 205.56 sen/kg pada tahun 2002 kepada 734.83 sen/kg pada 2007.** Kenaikan harga ini adalah disebabkan peningkatan permintaan dunia terutama dari negara China dan India yang menunjukkan perkembangan yang pesat dalam industri otomobil. Kenaikan harga minyak mentah walaupun telah menurun sedikit kepada **USD 109.71 setong** pada **3 September 2008**, turut menyumbang kepada kenaikan harga

7

getah asli. Oleh itu, harga Getah tiruan yang berasaskan minyak mentah akan turut naik. Dengan ini, pembeli di jangka beralih ke getah asli dan menyebabkan permintaan getah asli akan terus meningkat.

Harga SMR 20 pada 3 September 2008 adalah RM 9.57/kg. Dengan keadaan pasaran getah yang baik pada masa ini, dijangka harga akan terus bertahan untuk jangka masa panjang sehingga 2015 dan prospek industri getah negara adalah sangat cerah.

8

5.0 BANTUAN TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT PEKEBUN KECIL

Kerajaan di bawah kajian semula RMK9 telah meluluskan Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit mulai 1 Januari 2009 bagi kebun-kebun sawit kurang daripada 2.5 hektar. RISDA telah di lantik sebagai agensi pelaksana dan peruntukan yang telah diluluskan adalah RM16.89 juta bagi tahun 2009 dan 2010 dengan menggunakan peruntukan sedia ada di RISDA. Di bawah program ini, pekebun kecil akan di bantu dengan bantuan tanam semula termasuk benih, baja dan kos upah.

9

Langkah ini di ambil setelah mengambilkira bahawa terdapat sejumlah 296,361 hektar kawasan kebun sawit yang telah di tanam lebih 25 tahun dahulu dan kini telah sampai masa untuk di tanam semula. RISDA menganggarkan 50% dari kawasan ini kurang daripada 2.5 hektar. Dari kajian RISDA juga, dalam tempoh 25 tahun kebelakangan ini, pendapatan purata pekebun kecil yang memiliki kurang daripada 2.5 hektar adalah sekitar RM600 sebulan. Jumlah ini tidak cukup untuk mereka menabung untuk membiayai tanam semula.

6.0 MENABUNG UNTUK BAJA DAN INPUT PERTANIAN LAIN

Dengan harga getah yang tinggi pada masa ini, Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah digalakkan supaya menabung untuk menampung pembelian input pertanian seperti Baja, Bahan & Peralatan rangsangan, Racun rumpai dan lain-lain. Dengan adanya penabungan ini, Tuan-Tuan dan Puan-Puan boleh mengamalkan teknologi dan amalan pertanian yang baik secara terancang. Amalan pertanian yang baik pula akan meningkatkan produktiviti kebun.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan disyor membuat **penabungan bulanan minimum sejumlah 30 sen sepokok sebulan**. Dengan

bilangan 400 pokok sehektar, jumlah penabungan yang boleh dibuat adalah RM120.00 bagi sehektar kebun getah. Jika Tuan-Tuan dan Puan-Puan mempunyai disiplin yang tinggi dalam penabungan, ia pasti akan memberi impak yang sangat baik kepada produktiviti kebun, seterusnya meningkatkan pendapatan Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

7.0 KEMPEN PENANAMAN SAYUR DI PERKARANGAN RUMAH

Kenaikan harga minyak baru-baru ini telah menyebabkan harga barangan keperluan harian meningkat. Pekebun kecil merasai

kesan ini dan terpaksa membayar harga yang lebih tinggi ke atas barangan keperluan harian. Bagi membantu mengatasi masalah ini, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengadakan kempen untuk menggalakkan masyarakat Luar Bandar menanam sayur di perkarangan rumah untuk keperluan sendiri dan mengurangkan bebanan kos perbelanjaan seharian serta untuk mewujudkan kesedaran pekebun kecil terhadap kepentingan makanan segar yang berkhasiat.

Jenis-jenis sayur yang digalakkan adalah sawi, bayam, kangkung, terung, bendi, cili, kacang panjang, ulam-ulam serta herba seperti kunyit, daun kari, serai, pandan, lengkuas dan kantan.

Khidmat sokongan yang akan disediakan oleh RISDA adalah bekalan benih sayuran terpilih, bekalan baja yang bersesuaian serta mengedarkan risalah penanaman sayuran.

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada RISDA adalah RM 1.55 juta untuk kumpulan sasaran seramai 170,000 pekebun kecil.

PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA khususnya RISDA Negeri Pahang kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil diseluruh negara untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.